



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**REALISME DALAM DOKUMENTARI**

**Elsie Anak Jalin**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)  
2013**

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



1000275154

**REALISME DALAM DOKUMENTARI**

ELSIE ANAK JALIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2013

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: A-

Please tick (✓)

Final Year Project Report



Masters



PhD



DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the .....26.....day of.....JUNE.....2013.

**Student's Declaration:**

I Elsie Anak Jalin, 26216, Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif hereby declare that the work Realisme Dalam Dokumentari is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

26 / June / 2013

Date submitted



Elsie Anak Jalin  
26216

**Supervisor's Declaration:**

I Candida Jau Emang..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled Realisme Dalam Dokumentari.....(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of Bachelor of Applied Arts with honours (Cinematography) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

  
(Candida Jau Emang)

**CANDIDA JAU**  
Lecturer  
Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Date: 26 JUNE 2013

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

#### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_



26 June 2013

Supervisor signature: \_\_\_\_\_



26 JUNE 2013

Current Address:

TR Assas, Temelan, ulu 95000 SRI Aman, Sarawak

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## PENGHARGAAN

Syukur kepada tuhan atas kesempatan yang diberikan untuk menyiapkan kajian ini. Ribuan terima kasih kepada ibu dan bapa yang telah banyak memberikan sokongan moral. Tidak lupa juga kepada penyelia iaitu Madam Candida Jau Emang yang telah banyak memberikan info, maklumat dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan tesis ini. Selain itu, ribuan terima kasih juga kepada kawan-kawan dan penduduk rumah panjang TrAssanTemelan yang telah banyak menolong semasa proses penggambaran dokumentari "So Close Yet So Far".

## JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv-v
Abstrak	vi
<i>Abstract</i>	vii
<b>1. BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2-4
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Kenyataan Masalah	5
1.4 Kerangka Kajian	6-8
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Limitasi Kajian	9
1.7 Definisi Istilah	9
<b>2. BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.0 Pengenalan	10
2.1 Filem Bukan Fiksyen	10-12
2.2 Observational Mode	12-14
2.3 Participatory Mode	14-16
2.4 Filem Fiksyen	16
2.5 Penggunaan Naratif dan Penyuntingan	17-18
2.6 Konteks Realisme Dalam Dokumentari	19
<b>3. BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	20
3.1 Pemerhatian	20-21
3.2 Analisa Kandungan	22
3.3 Analisis Filem	22-24

<b>4. BAB 4 PROJEK TAHUN AKHIR</b>		
4.0	Pengenalan	25
4.1	Sinopsis	25-26
4.2	Pengaplikasian Kajian ke Dalam Projek PendekTahunAkhir	26-32
4.3	Pre-production	32
4.4	Production	33
4.5	Post-production	33
4.6	Dapatan Kajian	34-38
4.7	Kelemahan Projek	38-39
4.8	Kekuatan Projek	39-40
<b>5. BAB 5 RUMUSAN KAJIAN</b>		
5.0	Rumusan	41-42
<b>BIBLIOGRAFI</b>		43-44

## ABSTRAK

### REALISME DALAM FILEM DOKUMENTARI

Elsie AnakJalin

Kajian ini meneliti konsep realisme di dalam konteks pembikinan filem dokumentari dengan menggunakan pendekatan '*observational*' dan '*participatory*'. Fokus kajian ditumpukan kepada penyampaian naratif dengan memasukkan elemen-elemen fiksyen sebagai cara untuk mengukuhkan struktur naratif subjek yang dipersembahkan. Penyelidikan ini menggunakan metodologi kualitatif di mana pengumpulan data dibuat melalui cara pemerhatian, rakaman video dan juga analisa kandungan terhadap dua buah filem dokumentari iaitu *Old Partner* (2008) dan *Up The Yangtze* (2008). Dua filem tersebut dianalisa untuk mengenal pasti teknik dan konvensyen yang telah digunakan semasa penggambaran serta mengenalpasti apakah elemen-elemen fiksyen yang telah dipakai semasa peringkat pasca-produksi sebagai kaedah penyampaian naratif yang berkesan tetapi mungkin mencabar prinsip realisme secara menyeluruh. Hasil daripada pemerhatian yang telah dilakukan satu filem dokumentari pendek yang berjudul *So Close yet So Far* telah dihasilkan. Dokumentari ini memaparkan kisah penduduk rumah panjang Tr Assan Temelan Ulu yang terletak lebih kurang 30 minit perjalanan bot daripada pekan Sri Aman. Walaupun terletak berhampiran dengan pekan Sri Aman namun kemudahan asas penduduk tidak seperti yang dinikmati oleh mereka yang menetap di kawasan pekan tersebut.



## **ABSTRACT**

### **REALISM IN DOCUMENTARY FILM**

*Elsie Anak Jalin*

*The study explores the concept of realism in documentary filmmaking by using the observational and participatory modes. The research focuses on the narrative structure of a film documentary where fictional elements are used as a way to enhance its narrative storytelling but may challenge the principle of Realism as a whole. The qualitative approach is applied whereby data are collected through a personal observation, video recording and content analysis on two documentaries namely **Old Partner** (2008) and **Up the Yangtze** (2008). The two films are examined to identify the technique and conventions that have been used during the filming and what editing techniques have been applied in the post-production and yet still signify the concept of Realism the researcher is trying to establish. A short documentary entitled **So Close yet So Far** is produced as a result from a field study conducted at Tr Assan Temelan Ulu, a long house located about 30 minutes via boat ride from the town of Sri Aman. But despite being so close, basic amenities like electricity, clean water, and road remain far away compared to those resided in the town area.*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Dokumentari sering difahami sebagai filemberasaskan fakta, bukti dan realiti yang berlaku di sekeliling. Kebenaran dan realiti yang cuba disembunyikan oleh sesetengah pihak tetapi itulah peristiwa yang cuba dirungkai dan didedahkan oleh pembuat dokumentari. Kebenaran yang ditunjukkan dalam filem dokumentari kadang-kala boleh mengejutkan masyarakat dan menyebabkan sesetengah pihak merasa terganggu.

Selain itu, filem dokumentari seolah-olah menjadi cermin kepada individu itu sendiri dan juga masyarakat. Hal ini demikian kerana terdapat sesetengah perkara di dalam filem dokumentari akan mengingatkan penonton kepada peristiwa yang berlaku kepada diri penonton dan juga di sekeliling yang berlaku sekarang dan juga peristiwa yang telah berlalu.

Pembuat dokumentari membuat dokumentari yang bertemakan budaya, cara hidup, sejarah, dan dilema social. Filem dokumentari merupakan salah satu media yang berkuasa ia boleh

mendedahkan dan menyampaikan penderitaan, perasaan dan harapan masyarakat yang terlibat dalam filem dokumentari.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Benton dan Diyanni (1998) mendefinisikan realisme sebagai "term use to describe a development in painting in which many artists tried to convey the realities of modern life to their contemporaries" (p.458). Realisme ini berlaku di Eropah pada kurun ke-18. Sebagai manusia kadang-kadang mengharapkan kehidupan berjalan dengan lancar tanpa menghadapi banyak masalah dan juga tekanan tetapi realiti yang sebenar bukan seperti yang diharapkan dan dibayangkan. Sesetengah lukisan mempunyai makna yang tersendiri dan sesetengah orang dapat mentafsir maksud di sebalik lukisan. Setiap benda yang terdapat dalam lukisan menunjukkan dan cuba untuk menyampaikan sesuatu sama ada dari segi politik dan keadaan atau situasi yang berlaku pada zaman itu. Pelukis realisme menggunakan lukisan mereka untuk berkomunikasi dengan masyarakat pada masa itu. Menurut Benton dan Diyanni (1998) "the artists role was no longer simply to reveal the beautiful and the sublime, but to open the public eyes to the world around them not just in grandeur but its brute reality as well" (p.458). Dalam dunia ini bukan hanya perkara indah sahaja berlaku dalam kehidupan dan sekeliling tetapi juga ada situasi yang sangat dahsyat seperti kelaparan dan peperangan di antara negara tetapi pada era ini berita tersebut didedahkan melalui saluran media massa dan media cetak seperti surat khabar dan televisyen.

Menurut Barnouw (1993) Muybridge "foreshadowed a crucial aspect of documentary film" (p.3) telah membuka laluan kepada pembuatan filem dokumentari dengan gambar kuda yang melompat dengan pelbagai kelajuan. Barnouw (1993) "Louis Lumiere who made the

documentary film a reality on a worldwide basis and with sensational suddenness" (p.5). Lumiere adik-beradik membuat kamera yang dikenali sebagai *cinematographe* dilancarkan pada tahun 1895 dan juga telah membuat filem pendek *Workers Leaving the Lumiere Family* (Barnouw, 1993).

Menurut Nichols (2001), "there are two kinds of film: (1) documentaries wish-fulfillment and (2) documentaries of social representation" (p.1). "Documentaries wish fulfillment" merujuk kepada filem fiksiyen manakala "documentaries of social representation" merujuk kepada filem bukan fiksiyen walaupun begitu kedua-duanya tetap memaparkan cerita meskipun berbeza dari segi pengolahan naratif (Nichols, 2001).

Sesetengah daripada filem fiksiyen juga ada yang dibuat berdasarkan kisah sebenar cuma ia diolah untuk menjadikannya lebih menarik. Filem fiksiyen selalunya bertemakan kasih sayang di antara keluarga, mencapai impian, pencarian identiti dalam diri remaja dan lain-lain lagi. Fiksiyen filem membuatkan penonton ingin menjadi seperti watak dalam filem tersebut. Selain itu, turut membuatkan penonton ingin orang di sekeliling mereka menjadi seperti watak di dalam filem tersebut. Maka dapat disimpulkan di sini bahawa fiksiyen filem mencerminkan keinginan dan hasrat penonton.

Nichols (2001) turut mengatakan filem bukan fiksiyen "make the stuff of social reality visible" (p.1). Pembuat dokumentari itu bertanggungjawab dalam menunjukkan realiti kepada penonton. Penonton filem dokumentari akan dapat melihat perkara atau realiti yang tidak pernah terlintas dan terbayang di fikiran mereka. Apabila menonton filem dokumentari *Food Inc* (Robert Kenner, 2008) ada penonton yang terkejut dengan realiti cara makanan mereka diproses dan mengatakan cara pembunuhan haiwan itu sangat kejam. Peranan pembuat dokumentari

dalam filem ini ialah menunjukkan realiti sebenar pemprosesan makanan yang selama ini pengguna atau pembeli makanan tidak tahu.

Disamping itu, dokumentari juga dapat dijadikan tempat untuk meluahkan perasaan dan pandangan seseorang individu terhadap sesuatu perkara. Pembuat filem dokumentari menggunakan dokumentari mereka sebagai propaganda untuk memujuk dan mempengaruhi masyarakat. Mengikut Jarl (1998) "I want everyone else to see things as I see them. I want to make movie because I want to influence others" (p.150). Pembuat filem dokumentari mahu penonton untuk melihat sesuatu peristiwa dalam filem dokumentari dari kaca mata mereka contohnya merasakan apa yang mereka rasa, mempunyai pandangan yang sama dengan mereka terhadap sesuatu peristiwa yang ditunjukkan dalam filem dokumentari tersebut.

Filem dokumentari memperlihatkan tentang kehidupan dan penderitaan masyarakat di sesuatu tempat. Menurut Gerard (1996) "Creative nonfiction is always about people" (p.55). Pembuat dokumentari menunjukkan cabaran yang masyarakat terpaksa lalui disebabkan tekanan pihak pemerintah, peperangan dan keadaan alam sekitar. Menurut Rabiger (2004) mengatakan "True documentary reflects the richness and ambiguity of live" (p.7). Realitinya dalam kehidupan manusia di dunia ini hanya pada pandangan mata kasar indah tetapi di sebalik keindahan itu tersembunyi keburukan yang tidak ditunjukkan. Pembuat dokumentari menunjukkan dalam filem mereka kehidupan itu bukan pada luaran sahaja tetapi juga turut menunjukkan impian dan kesusahan yang dihadapi oleh masyarakat yang tidak terlihat.

## 1.2 Objektif Kajian

- 1) Mengenal pasti konsep realisme dalam filem dokumentari.
- 2) Menganalisa keberkesanan penggunaan elemen fiksiyen di dalam filem dokumentari

## 1.3 Kenyataan Masalah

Dokumentari adalah filem yang dibuat berasaskan fakta dan bukti. Situasi yang ditunjukkan di dalam filem dokumentari merupakan situasi yang pernah berlaku dan dirakam semasa kejadian. Walaubagaimanapun, terdapat juga dokumentari yang dihasilkan dengan lakonan semula tetapi berdasarkan fakta dan bukti yang telah didokumenkan melalui media bertulis. Bagaimana pembuat dokumentari tersebut memanipulasi sesuatu peristiwa, situasi dan pada masa yang sama pembuat dokumentari itu tetap menunjukkan realiti dalam filem mereka.

Seseorang pembuat dokumentari mempunyai cara yang tersendiri dalam membuat filem dokumentari mereka. Oleh sebab itu kajian ini dibuat untuk mencari jalan dan cara untuk menunjukkan realisme dalam filem dokumentari.

### 1.3.1 Soalan Kajian

- 1) Apakah maksud realisme dalam konteks dokumentari?
- 2) Bagaimana pembuat filem dokumentari menggunakan naratif dalam filem fiksiyen dalam dokumentari?
- 3) Mengapa perlu penyuntingan dalam dokumentari?

#### 1.4 Kerangka Kerja

Proses pembuatan dokumentari sukar kerana bukan mudah untuk masyarakat berkongsi cerita pasal kehidupan, gaya hidup dan masalah yang mereka hadapi kepada orang yang mereka tidak kenali. Ahli dokumentari terpaksa mencari jalan supaya masyarakat tersebut sudi membuka sedikit ruang untuk mereka membuat dokumentari dan apabila mereka bersetuju ahli dokumentari harus mencari ikhtiar supaya realiti yang mereka hendak tunjukkan dapat dicapai.

Menurut Kopple (2002) "I think you should never pigeonhole yourself-most important thing to allow people to be who they are and to not put a filmmaker's agenda into it" (p.212). Pembuat filem dokumentari tidak boleh mengarah *social actor* seperti mana mengarah pelakon dalam filem fiksyen dan jika mengarah mereka realiti yang hendak sampaikan melalui *social actor* itu mungkin tidak akan sampai kepada penonton. Hal ini demikian kerana kadang-kadang penonton boleh atau dapat mengesan jika pembuat filem dokumentari ini mengarah *social actor* dan mungkin mereka akan mempertikai realiti yang cuba hendak sampaikan. Selain itu apabila pembuat filem mengarah *social actor* maklumat atau fakta hendak disampaikan kepada penonton tidak tepat. Hal ini demikian kerana tidak mudah untuk memahami sesuatu budaya walaupun tinggal dengan mereka sepanjang enam bulan tetap ada benda yang pembuat filem dokumentari tidak faham.


Menurut Froemke (2002) "what really is happening truthfully is always more interesting than what you might manipulate" (p.30). Pembuat dokumentari membiarkan sahaja situasi dan juga *social actor* tanpa ada campur tangan daripada krew filem. Pembuat dokumentari hanya melihat dan merekod sahaja apa yang mereka lakukan. Cara ini membantu pembuat dokumentari

untuk merakam emosi, reaksi dan tingkah laku mereka yang sebenar terhadap perkara atau situasi yang berlaku di sekeliling mereka.

Bagi maklumat yang tidak dapat diperoleh dengan menggunakan *observational modes* boleh menggunakan temubual. Temubual boleh dibahagikan kepada yang pertama ialah berstruktur dan ia digunakan untuk bertanyakan soalan yang berkaitan dengan bagaimana kehidupan masyarakat di sesuatu tempat itu dengan tempat lain boleh berkaitan di antara satu sama lain manakala temubual tidak berstruktur boleh digunakan untuk bertanyakan soalan secara rambang dan berharap masyarakat yang ditemubual itu akan memberitahu pembuat dokumentari tentang sesuatu perkara tersebut dengan terperinci (People & Bailey, 2000).



Rajah 1: Panduan membuat filem dokumentari



## 1.5 Skop Kajian

Terdapat 6 *mode* dalam dokumentari tetapi kajian ini akan fokus kepada penggunaan *observational mode* dan *participatory mode* dalam penghasilan sesebuah filem dokumentari. Dua *mode* ini akan digabungkan untuk menghasilkan sebuah filem dokumentari pendek. Kajian ini mengkaji keberkesanan sesuatu filem dokumentari apabila dua “modes” ini digabungkan untuk menunjukkan realisme dalam dokumentari.

## 1.6 Limitasi Kajian

Masalah yang dihadapi untuk menyelesaikan kajian ini ialah tidak dapat melakukan temubual dengan pembuat dokumentari. Hal ini demikian kerana tidak dapat mencari orang yang membuat dokumentari di Sarawak. Selain itu, pendapat dari penulis buku yang berbeza-beza juga menyebabkan keliru dengan maklumat yang diperoleh

## 1.7 Definisi Istilah

### 1) Realisme

(Cambridge Advanced Learner's Dictionary, 2009, p.1182) mendefinisikan realism sebagai painting, film and books that try to represent life as it really is”

### 2) Struktur

Menurut Bernard (2011) “the building blocks of a film's structure are shots, scenes, sequence” (p.51).

### 3) “Social actor”

4) Menurut Nichols (2000) “people treated as social actors: they continue to conduct their lives more or less as they would done without the presence of camera” (p.5).

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 Pengenalan**

Banyak kajian yang telah dijalankan mengenai realisme dalam dokumentari. Setiap kajian itu mempunyai pendapat yang berbeza mengenai cara mereka menunjukkan realisme dalam filem mereka. Kajian-kajian ini fokus kepada cara dan teknik yang digunakan oleh seseorang pembuat dokumentari untuk menghasilkan sebuah filem dokumentari. Selain, itu turut kajian-kajian ini meliputi juga penggunaan penyuntingan dan naratif dalam filem dokumentari.

#### **2.1 Filem Bukan Fiksiyen (Dokumentari)**

Filem bukan fiksiyen dikenali sebagai filem yang berasaskan fakta, bukti dan kebenaran. Menurut Nichols (2001) "documentary is not a reproduction of reality it is a representation of the world we occupy" (p.20). Setiap orang yang membuat dokumentari mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap masyarakat dan situasi yang berlaku di sesuatu

tempat. Pembuat dokumentari mewakili masyarakat untuk meluahkan perasaan mereka dan juga menunjukkan penonton tentang sesuatu peristiwa yang berlaku.

Menurut Bernard (2011) "Documentaries bring viewers into the new world and experiences through and presentation of factual information about real people, places and event". Melalui menonton filem bukan fiksyen penonton boleh belajar dan mendapat pengetahuan baru tentang budaya dan cara hidup masyarakat lain serta melihat tempat-tempat di negara lain yang mereka tidak pernah pergi.

Selain itu, filem dokumentari juga menunjukkan kepada penonton situasi dan keadaan yang dihadapi oleh individu dan masyarakat sehingga menyebabkan mereka terpaksa berdepan dengan cabaran dan penderitaan. Mengikut Jarl (1998) "If there is one person in the audience and he or she isn't laughing, you can be equally certain that it is a documentary" (p.149). Tetapi ada dokumentari yang boleh menyebabkan penonton ketawa apabila menonton contohnya dalam *Old Partner* (Chung Ryul Lee, 2008) penonton boleh ketawa melihat aksi di antara suami dan isteri tersebut tetapi dalam masa yang sama penonton merasa simpati terhadap suaminya yang masih mengusahakan sawah yang berlumpur dalam keadaanya kakinya sakit.

Liz Stubbs menemubual Ken Burns dan hasil temubual tersebut dibukukan dalam *Documentary Filmmakers Speak*. Mengikut pandangan Ken Burns (2002) "Subject is like a different arrangement of fruit on the table, provides that possibility to look into something more divine or something higher" (p.76). Setiap pembuat filem dokumentari bukan hanya melihat pada luaran *subject matter* tetap perlu menyelami dan menyelongkar misteri di sebalik di sebalik subjek yang mereka pilih. Apabila pembuat filem dokumentari hanya membuat dokumentari pada dasar sahaja dokumentari itu tidak akan mampu menyentuh perasaan penonton contohnya

apabila nelayan itu turun sungai pembuat filem dokumentari ikut dia tetapi jika hanya tunjukkan pada dasar sahaja contohnya bagaimana cara nelayan itu menangkap ikan dalam filem itu akan menjadi dokumentasi. Apabila pembuat dokumentari menyelongkar dengan lebih dalam lagi dia akan mendapat sesuatu yang sangat menarik dan menunjukkan realiti kehidupan yang sebenar. Dalam filem fiksyen turut menunjukkan tentang realiti tetapi kebenaran yang cuba ditonjolkan itu tidak sampai sepenuhnya kepada masyarakat kerana apabila cerita itu tamat kehidupan mereka bahagia sahaja yang miskin menjadi kaya tetapi dalam kehidupan yang sebenar jarang benda seperti itu berlaku. Di sesetengah tempat dikatakan masyarakatnya hidup selesa dan semua kemudahan ada tetapi pada hakikatnya semua itu tidak ada dan apabila membuat filem dokumentari benda seperti inilah yang cuba ditonjolkan.

## 2.2 *Observational Mode*

Menurut Nichols (2001) "Modes, too, distinguish documentary film from other types of film" (p.33). "Observational mode" merupakan salah satu cara untuk menunjukkan dokumentari. Antara ciri-ciri mode ini ialah tidak menggunakan *voice over*, *handheld*, dan tidak mempunyai temubual serta hanya membiarkan visual yang bercerita. Selain itu, tidak ada campur tangan daripada krew yang terlibat *social actor* bebas melakukan aktiviti dan berbincang di antara satu sama lain tanpa ada gangguan daripada krew. Menurut Nichols (2001) "observational mode emphasizes direct engagement with everyday life of subjects as observe by unobtrusive camera" (p.34). Krew-krew yang terlibat dalam proses penggambaran dokumentari yang menggunakan mode ini seolah-olah tidak di wujud pada "social actor". Tetapi menurut Jarl (1998) "the filmmakers affects the situation when he or she enters a room with camera" (p.149). Peranan

krew-krew dalam mode ini ialah merakam aktiviti, situasi, masyarakat serta individu menggunakan kamera tanpa ada interaksi berlaku diantara mereka bagi mendapatkan info yang tepat mengenai sesuatu situasi dan keadaan yang individu dan masyarakat sedang hadapi tetapi jika kehadiran kamera dapat mengubah kelakuan individu dan masyarakat dapatkah pembuat dokumentari mendapat informasi yang tepat.

Dalam buku *Documentary Filmmakers Speak* Stubbs telah menemu bual Albert Mayles. Menurut Mayles (2002) "you start directing a person or the situation, and it's no longer a documentary" (p.6). Pembuat dokumentari tinggal bersama masyarakat sehingga tempoh masa tertentu tetapi tidak semestinya pembuat filem tersebut memahami apa-apa yang masyarakat tersebut alami, cara dan budaya kehidupan mereka sepenuhnya. Sekiranya pembuat filem itu mengarah filem dokumentari apa yang visual mereka tunjukkan tidak menggambarkan sepenuhnya realiti kehidupan masyarakat tersebut. Apabila pembuat filem bukan fiksyen tidak memahami budaya mereka dan selepas itu mengarah maka kebenaran dan mesej yang cuba disampaikan tidak akan sampai kepada penonton.

Selain daripada Mayles, Stubbs turut menemubual Bruce Sinofsky dalam bukunya *Documentary Filmmakers Speak*. Menurut Sinofsky (2002) "I would never recreate something and I would never tell somebody to say or do something" (p.163) merujuk kepada ayat tersebut dapat dilihat bahawa cara dia membuat dokumentari hampir sama iaitu tidak mengarah "social actor". Apabila mencipta situasi seperti filem fiksyen takut pembuat dokumentari akan tertukar atau tersalah fakta maka filem tersebut akan dipertikai kebenarannya.

Irving Saraf telah ditemubual oleh Liz Stubbs dan temubual tersebut telah dibukukan dalam *Documentary Filmmakers Speak*. Menurut Saraf (2002) "we always point the camera

where we feel its right to point the camera” (p.186). Daripada pernyataan ini dapat dilihat yang Saraf mengatakan yang *storyboard* tidak diperlukan dalam dokumentari tetapi krew hanya berdasarkan gerak hati dan kemahuan mereka sahaja. Dalam dokumentari susah untuk merancang atau menentukan jenis shot pembuat filem yang kehendaki kerana pembuat filem bukan fiksyen tidak dapat menjangka ke mana arah *social actor* itu akan bergerak dan apa yang dia lakukan selepas itu walaupun bagaimanapun seseorang pembuat filem bukan fiksyen harus menyediakan satu panduan untuk dia sendiri tentang visual yang dia inginkan supaya dapat dijadikan panduan untuk pengarah filem menghasilkan dokumentari tersebut supaya dia tidak tertinggal perkara penting yang dia hendak sampaikan kepada penonton.

### 2.3 *Participatory Mode*

Ciri *participatory mode* yang paling ketara sekali dalam filem dokumentari adalah penggunaan temubual. Menurut Nichols (2001) “the interview stands as one of most common form of encounter between filmmaker and subject in *participatory documentary* (p.121). Melalui temubual penonton boleh melihat pembuat filem berinteraksi dengan individu dan masyarakat. Terdapat juga filem dokumentari yang penonton tidak dapat melihat pembuat filem tetapi mendengar mereka bertanya soalan kepada *social actor*. Dalam mode ini pembuat filem dokumentari itu sendiri turun padang dan merasai sendiri situasi tersebut.

Semasa proses produksi pembuat filem dokumentari akan banyak menemui temubual untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan sesetengah akan menggunakan temubual itu sebagai *voice of god* tetapi menurut Mayles (2002) “we don’t do the interviews. When you do an interview, the answer is your question, so it’s setup every times, and you’re getting away from

what is documentary” (p.8). Apabila pembuat filem melakukan temubual orang yang ditemubual akan menjawab soalan orang yang menemubual. Selain itu, orang yang ditemubual itu terikat kepada soalan yang ditanya dan mereka tidak berani dan tidak selesa untuk memberitahu maklumat di luar skop soalan dan hal ini menyebabkan pembuat filem dokumentari kehilangan maklumat yang penting untuk filem mereka. Tetapi pembuat filem dokumentari boleh menggunakan temubual bergantung kepada mode yang mereka guna dalam menghasilkan filem dokumentari mereka. Selain itu, temubual juga boleh memberi informasi kepada penonton kerana sesetengah temubual itu memberikan fahaman dan maklumat baru terhadap sesuatu benda dan perkara yang berlaku di sekeliling.

Menurut Sinofsky (2002) juga “sometimes you have obligation, to your audience to get some information that is very difficult necessarily to get from scene, so you do interviews” (p.162). Sinofsky menggunakan temubual dalam filem dokumentarinya untuk mendapatkan maklumat yang sukar diperolehi dengan hanya melakukan pemerhatian di tempat kejadian tetapi Mayles tidak mahu menggunakan temubual untuk filem dokumentarinya. Adalah tidak salah untuk mengabungkan pemerhatian di tempat kejadian dan temubual dalam menghasilkan dokumentari. Hal ini demikian kerana pembuat dokumentari mempunyai tanggungjawab terhadap penonton yang menonton filem mereka untuk menyampaikan realiti dan kebenaran yang selama ini mereka tidak tahu.

Menurut Jarl (1998) “My movies are subjective; they express my truth. The world and how it presented is directly related to how I experience it” (p.150). Berdasarkan pernyataan tersebut dapat dikatakan Jarl membuat filem dokumentari berdasarkan pandangan dia terhadap peristiwa dan perkara tersebut. Pengalaman yang dilalui dan pandangan dia terhadap orang di sekeliling serta budaya tidak akan sama 100%. Jika pembuat filem bukan fiksyen membuat filem